

PENGAJIAN KITAB IHYA' 'ULUMIDDIN kali ke-19
Kuliah Maghrib kali ke-103

Bahagian-bahagian yang **mendekatkan diri kepada Allah Ta'ala** itu tiga :

1. Ilmu semata-mata, iaitu ilmu mukasyafah.
2. Amal semata-mata, iaitu seperti keadilan bagi seorang raja dan perhatiannya akan kepentingan rakyat.
3. Dan yang tersusun dari amal dan ilmu, iaitu ilmu jalan ke akhirat.

Yang empunya ilmu tersebut adalah sebahagian daripada ulama dan orang-orang yang beramal. Maka **perhatikanlah kepada dirimu sendiri**. Adakah engkau pada hari kiamat nanti dalam golongan ilmuwan Allah, ataupun yang beramal pada jalan Allah, ataupun dalam golongan kedua-duanya? Maka jadikanlah bahagianmu bersama kedua-dua golongan itu.

Akan kami nukilkan dari riwayat hidup ulama-ulama fiqh terdahulu, di mana engkau akan mengetahui nanti bahawa orang-orang yang menganut mazhab mereka telah **berbuat zalim terhadap mereka**, dan menjadi musuh terbesar dari ulama-ulama itu pada hari qiamat.

Para ulama yang terdahulu itu tidak bermaksud dengan ilmunya selain wajah Allah Ta'ala. Mereka tidaklah semata-mata untuk ilmu fiqh, tetapi mereka berbuat dan memerhatikan akan ilmu yang berhubungan dengan hati.

Sekarang akan kami sebutkan kata-kata ulama fiqh Islam, di mana engkau akan mengetahui bahawa yang kami sebutkan itu **bukanlah mengecam mereka**. Tetapi adalah kecaman kepada orang-orang yang menyatakan dirinya mengikuti dan menganut mazhab mereka. Kerana orang itu menyalahi dalam perbuatan dan perjalanan para ulama fiqh itu.

Adapun ulama fiqh yang menjadi pemimpin ilmu fiqh dan pahlawan umat, yakni mereka yang banyak pengikutnya pada mazhab-mazhab itu adalah lima iaitu : Asy-Syafi'i, Malik, Ahmad bin Hanbal, Abu Hanifah dan Sufyan Ath-Thauri, rahmat Allah kiranya kepada mereka semua.

Mereka masing-masing ialah 'abid, zahid, 'alim dengan dengan semua ilmu akhirat, faham akan kepentingan umat di dunia dan menghendaki dengan fiqhnya itu akan wajah Allah Ta'ala.

Ulama-ulama fiqh itu memberi tenaga dan mendakwakan dirinya serupa dengan imam-imam besar itu. Alangkah janggalnya membandingkan malaikat dengan tukang-tukang besi.

Adapun Imam Syafi'i, yang menunjukkan dia seorang 'abid ialah riwayat yang menerangkan bahawa dia membahagikan malam kepada tiga bahagian. 1/3 untuk ilmu, 1/3 untuk ibadah dan 1/3 untuk tidur.

Berkata Ar-Rabi' : *"Adalah Imam Asy-Syafi'i **mengkhathamkan Al-Quran dalam bulan Ramadhan 60 kali**. Semuanya itu dalam solat. Al-Buaithi salah seorang sahabatnya mengkhathamkan Al-Quran dalam bulan Ramadhan tiap-tiap hari sekali."*

Imam Asy-Syafi'i pernah berkata : *"Aku **tidak pernah kenyang** selama 16 tahun, kerana kekenyangan itu memberatkan tubuh, mengesatkan hati, menghilangkan cerdik, menarikan tidur dan melemahkan orang yang kenyang itu daripada beribadah."*

Ditanyakan kepada Imam Asy-Syafi'i tentang suatu masalah, maka dia diam. Ketika ditanyakan lagi : *"Mengapa tuan tidak menjawab? Kiranya Allah merahmati tuan."*

Maka beliau menjawab : *"Aku berfikir, sehinggalah aku mengetahui mana yang lebih baik, pada diamku ataupun jawapanku."*

Lihatlah betapa diawasi lidahnya sedangkan lidah itu adalah anggota badan yang paling berkuasa bagi ulama fiqh dan paling payah mengekang dan menundukkannya. Dengan itu, jelaslah bahawa dia tidak berkata-kata atau diam kecuali untuk memperoleh keutamaan dan pahala.

Berkata Imam Asy-Syafi'i : *"Seorang ahli falsafah menulis surat kepada seorang ahli falsafah. Antara isinya : "Engkau telah mendapat ilmu, maka janganlah engkau kotorkan ilmumu itu dengan kegelapan dosa. Nanti engkau akan tinggal dalam kegelapan pada hari ahli ilmu bekerja dengan nur ilmunya."*

Adapaun zuhudnya maka Imam Asy-Syafi'i berkata : *"Barangsiapa mendakwakan bahawa dia mengumpulkan antara cinta kepada dunia dan cinta kepada Pencipta dunia dalam hati nuraninya, maka dia itu berbohong."*

Berkata Al-Humaidi : *"Imam Asy-Syafi'i pergi ke Yaman bersama beberapa orang pembesar negeri. Lalu dia berangkat ke Makkah dengan membawa wang 10,000 dirham. Di luar kota Makkah dibangunnya suatu tempat tinggal. Maka berdatanglah manusia kepadanya. Dia terus menetap di tempat itu sampai wang itu habis dibahagi-bahagikannya."*

INTIPATI KULIAH KALI INI

Ilmu tanpa amal ibarat pemanah yang tidak berlatih memanah. Amal tanpa ilmu ibarat pemanah yang tidak ada ilmu memanah. Ilmu dengan amal ibarat seorang pemanah yang banyak ilmu memanah dan selalu berlatih memanah.

Ramai ilmuwan agama hari ini khususnya di bidang fiqh, hanya mencontohi keilmuan para ulama fiqh terdahulu tetapi tidak mencontohi tasawuf mereka.

5 mazhab fiqh terbesar ialah :

1. Mazhab Hanafi
2. Mazhab Maliki
3. Mazhab Syafi'i
4. Mazhab Hanbali
5. Mazhab Ath-Thauri

MAKLUMAN

Anda terlepas kuliah-kuliah syarah kitab Ihya' 'Ulumiddin yang lepas-lepas?

Usah kkuatir!

Semua siri kuliah kitab Ihya' 'Ulumiddin di surau ini boleh didengar semula di internet, iaitu di:

1. Youtube (taipkan "syarah ihya").
2. Laman <http://syarahihya.blogspot.com/>
3. Laman AlMuttaqinTv bawah Yayasan Islam Kedah.

Sehingga kini sudah ada **110 fail** kuliah Syarah Ihya' 'Ulumiddin di internet (di Youtube). Setiap satunya sepanjang lebih kurang 8 minit. Terdapat 99 fail audio dan 11 fail video. Selamat mengambil manfaat.

RINGKASAN KULIAH TERDAHULU

Adakah ilmu kalam pada zaman Nabi?

Tidak ada.

Mengapakah ilmu kalam wujud selepas itu?

Kerana timbulnya bid'ah dalam agama khususnya tentang keTuhanan.

Seandainya bid'ah-bid'ah itu tidak ada seperti pada zaman Nabi, apa terjadi kepada ilmu kalam?

Tidak diperlukan.

Jika tidak ada ilmu kalam, bagaimana hendak mengenal Allah Ta'ala, sifat dan af'al-Nya?

Melalui ilmu mukasyafah. Semua itu tidak boleh dikenal melalui ilmu kalam. Bahkan silap-silap ilmu kalam akan jadi pendindingnya pula.

Adakah para sahabat terkenal kerana ilmu kalam dan ilmu fiqh?

Tidak. Mereka terkenal kerana ilmu jalan ke akhirat.

Adakah Nabi Zulkifli dan Gautama Buddha itu orang yang sama?

Setakat maklumat-maklumat yang ada, nampaknya mereka dua individu yang berlainan.

Benarkah Ibnu Sina minum jus buah dan bukannya arak? Hal ini kerana tulisan Ibnu Sina diterjemahkan sebagai 'wine' dalam bahasa Inggeris.

Tidak. Ibnu Sina minum arak. Imam Al-Ghazali dan ulama2 terdahulu bukannya membaca karya Ibnu Sina dalam bahasa Inggeris.

Antara isu minum arak dengan isu aqidah, manakah yang lebih penting?

Isu aqidah.

Bolehkah kita membuka keaiban orang?

Boleh sekiranya keaiban itu akan membawa mudarat jika tidak disebarkan kepada orang ramai. Sekiranya keaiban itu tidak melibatkan kepentingan agama dan orang ramai, tidak boleh dibuka.

Adakah kita menolak kesemua ilmu Ibnu Sina?

Tidak. Kita hanya menolak ilmunya yang salah dan yang melemahkan sahaja.

Bolehkah kita menulis sebuah buku perubatan yang mengandungi kaedah2 rawatan haram dengan alasan buku itu bukan untuk umat Islam sahaja?

Tidak boleh. Ilmu yang salah, kepada umat bukan Islam pun tidak boleh disebarkan.

Bolehkah kita membikin sebuah video tentang cara-cara memajukan negara ialah dengan memajukan industri pelancongan, makanan, keilmuan dan pelacuran, dengan alasan ia dibuat bukan untuk orang Islam sahaja ?

Tidak boleh.

Bolehkah kita benarkan konsert Elton John dengan alasan ia hanya untuk orang bukan Islam?

Tak boleh. Tindakan ini memburukkan imej Islam di mata orang bukan Islam kerana mereka menyangkakan agama Islam memang hendak merosakkan penganut agama lain.

